

▼19/08/20-32MSF

CNS5600

U GB 19-08 00190 BB560

aab

Mahathir - Indochina

PM GESA HUBUNGAN SETARA DENGAN INDOCHINA

(Embargo: Untuk siaran selepas 10 malam)

Daripada Syed Jamil Jaafar

BANGKOK, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan Malaysia dan Thailand berkongsi dengan anggota Asean lain menyelaraskan program kerjasama teknikal mereka bagi membantu pembangunan negara-negara Indochina.

Perdana Menteri berkata Malaysia menyambut baik perkembangan positif di Indochina dan seperti Thailand, melihat perlunya ia bekerjasama dengan negara-negara jiran ini untuk membantu mereka mencapai tahap kemajuan ekonomi yang lebih tinggi.

"Kita telah memulakan program kerjasama secara sederhana bagi negara-negara ini," kata Dr Mahathir pada majlis rasmi makan malam oleh Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai di Rumah Kerajaan di sini malam ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata sumber Malaysia sendiri agak terhad dan ia mungkin tidak dapat memenuhi keperluan ketiga-tiga negara itu -- Laos, Kemboja and Vietnam.

Katanya adalah berfaedah bagi Malaysia dan Thailand, kemungkinan berkongsi dengan anggota Asean lain -- Indonesia, Singapura, Filipina dan Brunei -- untuk menyelaraskan program kerjasama mereka bagi ketiga-tiga negara itu bagi memastikan sumber-sumber dan hasilnya diguna sepenuhnya. --
lagi

▼19/08/20-43MSF

CNS5609

U GB 19-08 00146 BB561

aab

Mahathir - Indochina 2 Bangkok

Dr Mahathir berkata dengan kejayaan pilihan raya umum yang diadakan di bawah penyeliaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Kemboja, proses perdamaian kebangsaan di bawah kepimpinan Putera Norodom Sihanouk harus digalakkan oleh semua.

Katanya Putera Sihanouk dan rakan-rakan seegaranya memerlukan sokongan masyarakat antarabangsa dalam usaha mereka membangunkan semula Kemboja.

PBB harus terus memainkan peranan bagi memastikan keamanan dan kestabilan serta membantu mempercepatkan pembangunan semula ekonomi negara itu.

Dr Mahathir berkata dalam masa yang sama keadaan pahit getir yang dihadapi oleh rakyat Bosnia tidak harus diketepikan dan Malaysia sedang berusaha secara aktif dengan negara-negara lain untuk membantu rakyat Bosnia melindungi nyawa mereka, membela hak mereka dan mempertahankan negara mereka.

"Kami percaya usaha yang lebih serius harus dilakukan untuk menyelamatkan Bosnia-Herzegovina dan penduduknya daripada hancur dan musnah seluruhnya," katanya. -- lagi

▼19/08/21-02MST

CNS5612

U GB 19-08 00145 BB562

aab

Mahathir - Indochina 3 (Akhir) Bangkok

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Thailand kerana sokongannya terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), dengan berkata adalah amat menyenangkan hati melihat Asean kini mencapai kata sepakat dalam perkara ini.

Katanya kini terpulang kepada negara-negara Asia Timur untuk bersetuju terhadap bagaimana EAEC harus berjaya.

"Kita seharusnya kini sudah boleh menanti-nantikan mesyuarat pertama EAEC dalam masa terdekat," katanya.

Menteri-menteri Ekonomi Asean dijangka bertemu bulan depan untuk memutuskan mengenai struktur EAEC, satu forum yang diideakan oleh Malaysia untuk menggalakkan perdagangan bebas.

Perdana Menteri juga berharap kerjasama sektor swasta boleh berkembang menjadi satu fenomena dalam Asean bagi meningkatkan perdagangan antara Asean dan mempercepatkan pencapaian Kawasan Dagangan Bebas Asean (Afta).

Penglibatan sektor swasta juga penting bagi memastikan kejayaan program pertubuhan segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand, katanya. -- Bernama